

JAWATAN KOSONG

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG



SYARAT UMUM



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

SYARAT LANTIKAN



Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) Kelayakan

i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9 : RM2,250.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N9 : RM2,470.00)



Penaklukan di bawah syarat-syarat skim perkhidmatan :-

Rujuk Skim Perkhidmatan Pegawai Tadbir, Pekeliling Bil.1/2024

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEUTAMAAN KEPERLUAN BIDANG

- ✓ IJAZAH SARJANA MUDA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH
- ✓ IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM
- ✓ IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PELANCONGAN
- ✓ IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI DENGAN KEPUJIAN (EKONOMI PERANCANGAN & PEMBANGUNAN)



KEUTAMAAN kepada calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang perancangan dan pembangunan industri pelancongan.

CARA MEMOHON (SILA BACA DENGAN TELITI SEBELUM MENGEMUKAKAN PERMOHONAN)

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (online) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

(a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temu duga.

(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian / temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.

(c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian / temu duga:

- (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
- (ii) Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini
- (iii) Surat perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong / tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.

MOHON SECARA DALAM TALIAN DI

<https://digital.perak.my>

Mohon segera!




Reka bentuk oleh : tinajkp

PEGAWAI TADBIR GRED N9

(TANPA WARAN JAWATAN TETAP)

Jadual Gaji



RM2,250.00 minimum maksimum RM11,110.00

Kenaikan Gaji Tahunan

"RM 225.00"

Taraf Jawatan / Bilangan

1 Kekosongan Di Unit Pengurusan Pulau Bebas Cukai (UPPBC)
"Kontrak (Contract Of Service)
Tanpa waran jawatan tetap"

Kumpulan Perkhidmatan

"Pengurusan Dan Profesional"

Klasifikasi Perkhidmatan

"Pentadbiran Dan Sokongan"

PERMOHONAN DIBUKA MULAI
18 DISEMBER 2024

TARIKH TUTUP PERMOHONAN
10 JANUARI 2025

Kejuruteraan & Penyelenggaraan /Sebut Harga

- Membuat pemantauan perancangan projek serta pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan di Pulau Pangkor.
- Menyemak dokumen sebut harga bagi kerja-kerja yang telah diluluskan serta kerja-kerja kecil Majlis.
- Memantau kerja kontraktor melalui laporan daripada pegawai bertanggungjawab supaya kerja dijalankan mengikut spesifikasi, cara kerja, dan garis masa yang ditetapkan.
- Memantau kerja dan memastikan sebarang kerosakkan pada kerja dalam tempoh kecacatan dibaik pulih oleh kontraktor.
- Memantau segala aset majlis di Pulau Pangkor termasuk bangunan, menara tinjau, dewan orang ramai dan infrastruktur kawasan setempat.
- Memperakui sebut harga dan permohonan peruntukan bagi kerja pembaikan.

Perancang Bandar & Wilayah

- Merancang pembangunan di Pulau Pangkor mengikut ketetapan zoning Rancangan Tempatan Daerah Manjung.
- Memberikan nasihat perancangan berkenaan Pulau Pangkor kepada Majlis Perbandaran Manjung.
- Memberi pandangan dan cadangan untuk tindakan penguatkuasaan di Pulau Pangkor.

Aduan Awam

- Membuat semakan ke atas aduan awam yang diterima bagi sebarang kerosakkan aset, harta benda awam dan infrastruktur awam.
- Mendapatkan laporan daripada pegawai bertanggungjawab bagi aduan dan cadangan kerja-kerja pembaikan.

Pentadbiran

- Memantau kerja-kerja perkeranian dan kewangan.
- Menilai prestasi kerja pegawai dan kakitangan unit.
- Menyemak penyata kewangan unit.
- Menghadiri Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Penuh dan mesyuarat berkaitan pengurusan tertinggi Majlis Perbandaran Manjung.

Pelancongan & Promosi

- Memantau perjalanan sesuatu program.
- Memperakui cadangan program yang akan dilaksanakan.
- Merangka pembahagian tugas bagi kelancaran program.
- Mendapatkan laporan penuh program daripada pegawai bertanggungjawab.
- Memantau sosial media yang diuruskan oleh pegawai dalam unit.
- Pengemaskinian dan pemakluman data pelancongan Pulau Pangkor kepada agensi berkaitan melalui Mesyuarat Pelancongan Negeri Perak, Mesyuarat Pengurusan Majlis Perbandaran Manjung dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Unit Pengurusan Pulau Bebas Cukai tiga bulan sekali.
- Pemberian data secara *ad-hoc* kepada agensi berkaitan bagi kegunaan pengumpulan data dan kajian pelancongan Pulau Pangkor.
- Memantau tandas awam di Pulau Pangkor dengan meminta pegawai bertanggungjawab untuk membuat pemantauan berkala dan membaik pulih kerosakan.

01



02



03



04



05



FUNGSI BIDANG TUGAS

PEGAWAI TADBIR GRED N9 (TANPA WARAN JAWATAN TETAP)
UNIT PENGURUSAN PULAU BEBAS CUKAI, MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG